

31/08/2003

Trio Meritus juara MME

Zairee Zahir

TRIO Team Meritus yang menggandingkan Firhat Mokhzani, Chin Tzer Jinn dan Eric Yeo muncul juara keseluruhan perlumbaan lasak Merdeka Millennium Endurance 2003 (MME) apabila melengkapkan 268 pusingan di Litar Sepang, semalam.

Trio Meritus yang membakar litar selama 12 jam 1 minit 46.492 saat, suatu ketika berada di tangga ketiga mengatasi pencabar terdekat di tempat kedua dari Naza Racing Team, Nigel Albon, Craig Albon dan Tunku Hamman Tunku Sulong yang ketinggalan 2 minit 22.193s.

Sejarah buat pasukan Meritus yang menggunakan kereta Porsche GT3 juga tercipta apabila Tzer Jinn yang masih berusia 19 tahun menjadi pemandu termuda memenangi perlumbaan MME edisi keempat tahun ini manakala jumlah pusingan 268 - rekod baru mengatasi 262 tahun lalu.

Secara kebetulan juga, kereta Porsche GT3 yang digunakan Team Meritus adalah kereta sama yang digunakan gandingan Nigel Albon, Tunku Hamman dan Tommy Lee ketika memenangi perlumbaan tahun lalu.

Tempat ketiga dalam perlumbaan 12 jam yang bermula di sebelah pagi itu dimenangi pasukan Team Honda Malaysia yang bersaing dalam kelas A, dipandu Kunimitsu Takahashi, Hidetoshi Mitsusada dan Hiroki Kato dari Jepun yang menggunakan Honda Altegra, ketinggalan lima pusingan.

Begitupun, aksi menarik hanya hadir kira-kira 40 minit sebelum perlumbaan dijadual tamat apabila kemalangan berlaku hingga menyebabkan steward perlumbaan memutuskan kereta keselamatan dimasukkan sementara petugas keselamatan mengurus pemandunya, Azizan Hussin yang mengalami kecederaan di kaki kiri dan kanan, ke ambulans sebelum dikejarkan ke Hospital Putrajaya.

Dalam kemalangan itu juga, cabaran pasukan Jaseri Racing berakhir apabila kereta Porsche GT3 yang sedang dipandu bekas pemandu F1 negara, Alex Yoong turut terbabit dan mengalami kerosakan tayar kiri belakangnya.

Saingan pada tahun ini nyata hebat apabila menarik penyertaan 105 kereta dan hanya 77 kereta melepasi had kelayakan apabila perlumbaan dilepaskan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Jamalludin Jarjis kira-kira jam 10 pagi, dalam keadaan cuaca mendung.

Sebaik perlumbaan dilepaskan, kedudukan sebagai pendahulu bertukar tangan beberapa kali tetapi tumpuan lebih diberikan terhadap pasukan petak pertama, BSA Racing Team yang diterajui Stuart Mosaley/Simon Moulton dan Kozi Kalaitzichis yang bersaing hebat dengan trio Amprex Motorsports, Genji Hashimoto/Charles Kwan dan Matthew Marsh.

Perebutan menjelang selekoh pertama itu menyaksikan trio Amprex lebih pantas untuk mengambil kesempatan dan memintas BSA Radical tetapi kedudukan itu bertukar pada pusingan kelima apabila kesilapan tersekat di belakang sebuah kereta kelompok terakhir menyaksikan BSA Radical kembali memotong dan mendahului sehingga hampir 115 pusingan.

Begitupun, kedudukan itu kembali berubah selepas hampir enam jam perlumbaan apabila trio Jaseri racing yang menggunakan Porsche GT3, Mokhzani Mahathir/Alex Yoong/Faizal Hakimi Jaafar pula menguasai saingan di depan, meninggalkan trio BSA Racing, Jimmy Low/Marco Seefried dan Wolf Henzler hampir dua pusingan di depan.

Ketika perlumbaan memasuki tempoh 8 jam, Low/Seefried/Henzler dapat memintas lawannya yang tercicir di tempat keempat, tetapi mereka menghadapi pula tentangan sengit daripada trio Amprex yang bangkit dan hanya ketinggalan satu pusingan.

Namun, saingan menjadi semakin terbuka apabila tidak semena-mena, trio Team Meritus yang menggandingkan Firhat/Tzer Jinn dan Eric bingkas dan mendahului perlumbaan ketika cuaca mula gelap dan berada satu pusingan di depan trio Naza Racing, Nigel dan Craig Albon serta Tunku Hammam Tunku Sulong.

Ketika itu, hampir semua pencabar utama dalam saingan Kelas 0 sudah melepasi lebih 200 pusingan dan perlumbaan berbaki dua jam tetapi beberapa kereta sudah mula mengibarkan bendera putih.

Tepat sejam sebelum perlumbaan dijadualkan tamat, hanya ada 60 buah kereta masih meneruskan cabaran manakala 17 yang lain, mengalah kepada pelbagai faktor terutama kerosakan mekanikal, termasuk trio Jimmy Low yang pernah muncul juara pada 2000 dalam pasukan BSA Racing dan Tommy Lee/Tengku Djan/Keifli Othman daripada EON Motorsports.